



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA
PENGGUNAAN DAN CAPAIAN ICT OLEH INDIVIDU DAN ISI RUMAH 2022

Capaian dan penggunaan Internet terus meningkat pasca COVID-19

PUTRAJAYA, 31 Mei 2023 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan Laporan Survei Penggunaan dan Capaian ICT oleh Individu dan Isi Rumah 2022. Survei ini dilaksanakan pada fasa peralihan ke endemik yang membolehkan masyarakat kembali ke kehidupan hampir normal selepas dua tahun berhadapan dengan COVID-19. Dapatan survei ini dapat memberi gambaran mengenai penggunaan ICT dalam kalangan penduduk.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan, capaian isi rumah kepada internet meningkat kepada 96.0 peratus pada 2022 berbanding 94.9 peratus pada 2021. Capaian oleh isi rumah terhadap telefon bimbit, radio dan televisyen kekal melebihi 95.0 peratus. Walau bagaimanapun, capaian ke atas siaran televisyen berbayar mencatatkan peratusan lebih rendah iaitu 76.9 peratus (2021: 83.2%).

Penggunaan internet dalam kalangan masyarakat Malaysia berusia 15 tahun ke atas juga meningkat kepada 97.4 peratus (2022) berbanding 96.8 peratus (2021). Penyertaan dalam rangkaian sosial kekal menjadi aktiviti internet yang paling popular di Malaysia. Penggunaan internet meningkat dengan ketara bagi perkhidmatan berkaitan aktiviti mendapatkan maklumat, komunikasi, sivik dan politik, e-Kerajaan, hiburan, e-Dagang dan lain-lain perkhidmatan atas talian.

Aktiviti yang berkaitan dengan perkhidmatan tersebut meningkat melebihi 3.0 mata peratus. Aktiviti ini termasuklah mendapatkan maklumat barangan atau perkhidmatan yang meningkat kepada 92.5 peratus; memuat naik kandungan yang dicipta sendiri ke laman web (17.6%); menguruskan laman web persendirian (10.3%); melaksanakan tugas yang menjana pendapatan secara atas talian (15.5%); perbankan Internet (74.8%); mendengar radio secara atas talian (72.8%); menonton televisyen secara atas talian (68.1%) dan pembelian barangan atau perkhidmatan melalui e-Dagang (70.4%).

Berdasarkan kajian ini, kemahiran ICT yang menjadi salah satu indikator yang dipantau dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) turut menunjukkan peningkatan. Aktiviti asas kemahiran ICT seperti menyalin atau memindahkan fail; menggunakan teknik menyalin dan menampal untuk mendua atau memindahkan di dalam satu dokumen; dan menghantar emel beserta fail meningkat masing-masing kepada 97.0 peratus, 96.3 peratus dan 89.4 peratus.

Sementara aktiviti yang memerlukan kepakaran tertentu seperti menggunakan teknik aritmetik asas di dalam lembaran kerja dan menulis program komputer menggunakan bahasa pengaturcaraan meningkat masing-masing sebanyak 67.1 peratus dan 23.5 peratus. Aktiviti-aktiviti lain juga meningkat iaitu menghubungkan dan memasang peranti baru (79.2%), mencari, memuat turun, memasang dan mengkonfigurasi perisian (72.5%) serta membuat persembahan elektronik dengan menggunakan perisian komputer (62.9%).

DOSM sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Connecting the World with Data We Can Trust".

Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

31 MEI 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
ICT USE AND ACCESS BY INDIVIDUALS AND HOUSEHOLD 2022

The use and access of the Internet continue to increase post COVID-19

PUTRAJAYA, 31 May 2023 – Today, the Department of Statistics Malaysia published the 2022 ICT Use and Access by Individuals and Households Survey Report. This survey was carried out during the phase of transition of pandemic to endemic, which has allowed the community to return to almost normal life after two years facing COVID-19. The findings of this survey will provide an overview of usage of ICT among the population.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) reported that the household access to the internet increased to 96.0 per cent in 2022 as compared to 94.9 per cent in 2021. Household access to mobile phones, radios and televisions remains above 95.0 per cent. However, access to pay television broadcasts recorded a lower percentage of 76.9 percent (2021: 83.2%).

The use of the internet among Malaysians aged 15 and above has increased to 97.4 per cent (2022) as compared to 96.8 per cent (2021). The most popular internet activity in Malaysia is participating in social networks. The use of the internet has increased significantly for services related to finding information, communication, civics and politics, e-Government, entertainment, e-Commerce and other online services.

Activities related to services increased by more than 3.0 percentage points. The activities related to services are: finding information about goods or services, which increased to 92.5 per cent; uploading self-created content to a website (17.6%);

managing a personal homepage (10.3%); performing tasks online to generate income (15.5%); Internet banking (74.8%); listening to radio online (72.8); watching television online (68.1%) and purchasing or ordering goods or services via e-Commerce (70.4%).

Based on this study, ICT skills which are one of the indicators monitored in the Sustainable Development Goals (SDGs) has also improved. Basic ICT skills activities such as copying or transferring files; use copy and paste techniques to duplicate or move within a document; and sending emails with files increased to 97.0 percent, 96.3 per cent and 89.4 per cent respectively.

Activities that require specific expertise, such as using basic arithmetic formulas in a spreadsheet and writing computer programmes using programming languages, increased to 67.1 percent and 23.5 per cent respectively. Other activities also increased, namely connecting and installing new devices (79.2%), searching, downloading, installing and configuring software (72.5%) and creating electronic presentations using computer software (62.9%).

DOSM is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation from respondents in providing information to DOSM and making this census a success. Kindly visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalog and visualisation to facilitate users to analyse diverse data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and can be accessed via portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kindly be informed that the Malaysian Government has declared National Statistics Day (MyStats Day) on 20 October every year. The theme of the MyStats Day celebration is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

Released by:

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

31 MAY 2023